

Jangan lupa sejarah, kata persatuan

KUALA LUMPUR, Jumaat — Persatuan Sejarah Malaysia hari ini menyarankan satu formula berasaskan 'sejarah' untuk dijadikan asas penting dalam rundingan antara raja-raja Melayu dan wakil Majlis Tertinggi Umno berhubung dengan isu pindaan persembagaan.

Mencadangkan demikian, persatuan itu berharap kedua pihak akan menggunakan fakta sejarah dalam rundingan mereka di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam, had ini, dalam menyelesaikan masalah itu.

Pertama kali ia mengulas mengenai isu itu, persatuan itu menyatakan bahawa sejarah hendaklah dijadikan asas penting dalam rundingan kedua pihak kerana dengan menyingkap fakta-fakta sejarah, kedua pihak akan mendapat gambaran yang luas mengenai perjuangan dan perkembangan negara ini yang dibina menerusi sejarah itu sendiri.

Setiausaha kehormat persatuan itu, Encik M.A. Fauzi Basri berkata, sekiranya soal sejarah diketepikan, bermakna kedua pihak menolak bahawa sejarah adalah asas yang membina negara ini dari dahulu hingga sekarang.

Encik Fauzi berkata, sejarah ne-

gara membuktikan bahawa raja dan rakyat boleh bekerjasama untuk memperjuangkan hak semua pihak. Tidak pernah berlaku peristiwa rakyat menentang raja-raja.

Sebaliknya, ketika menentang Malayan Union, raja-raja turut mengikut kehendak rakyat menentang penjajah.

Persatuan berharap, rundingan itu akan dapat mencari jalan penyelesaian yang sebaik-baiknya.

Encik Fauzi berkata, rakyat menunggu dengan penuh minat keputusan yang akan diambil dalam rundingan itu nanti.

Walau apa keputusan yang akan

diambil dalam mesyuarat itu, ia tetap menjadi titik sejarah penting negara ini. Persatuan mengikuti perkembangan bangannya kerana ia adalah penting sebagai fakta sejarah.

Beliau yakin sekiranya fakta sejarah diberi penekanan dalam rundingan itu, jalan penyelesaian adalah terbuka luas.

Semua raja termasuk Pemangku Raja Pahang dan pengerusi Jemaah Pemangku Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan akan hadir dalam perjumpaan khas raja-raja yang akan dipengerusikan oleh Sultan Selangor itu. Yang di-Pertuan Agong tidak hadir di majlis itu atas nasihat doktor.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia